

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**TUAN RAHIM BIN OMAR**

**PELAKON**

**KU NURFADHLIN BINTI KU AMIRUDIN**

**(2021558627)**

**AISYAH AFIQAH BINTI MUSTAFFA**

**(2021760159)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05 (MAC 2022 – OGOS 2022)**

## ISI KANDUNGAN

ABTRAK .....	i
ABSTRACT .....	i
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI SINGKATAN .....	iii
1.0 BIODATA PENEMUBUAL .....	1
1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1 .....	1
1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2 .....	2
2.0 BIODATA TOKOH .....	3
2.1 PENGENALAN KEPADA TOKOH .....	4-5
3.0 SEJARAH LISAN .....	6
3.1 PENGENALAN .....	6
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN .....	6
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN .....	7
4.0 KAJIAN LITERATUR .....	8
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA RAHIM OMAR .....	11
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG DIRI .....	11-12
BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH RENDAH, SEKOLAH MENEGAH, UNIVERSITI .....	12-16
BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA .....	16-36
BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN .....	37-39
BAHAGIAN 5: PESANAN DAN HARAPAN .....	39-41
6.0 LOG TEMUBUAL .....	42-43
7.0 RALAT .....	44
8.0 INDEKS .....	45-46
9.0 BIBLIOGRAFI .....	47-48
10.0 LAMPIRAN .....	49
10.1 BIOGRAFI TOKOH .....	49
10.2 SURAT PERJANJIAN .....	50
10.3 SURAT PENGESAHAN KEBENARAN TEMUBUAL TOKOH RAHIM OMAR ..	51
10.4 SENARAI SOALAN .....	52-57
10.5 DIARI PENYELIDIKAN .....	58-59
10.6 GAMBAR .....	60-63

## **ABSTRAK**

*Artikel ini merupakan artikel tentang artis yang masih lagi bergiat aktif dalam dunia hiburan iaitu Rahim Bin Omar untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya di dunia hiburan sebagai pelakon Malaysia. Artikel ini didapati sewaktu penyelidik menemubual artis tersebut yang telah dijalankan melalui pautan Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 7 Julai 2022 bermula pada jam 3.00 petang hingga 5.00 petang. Rahim Bin Omar adalah seorang selebriti artis yang popular dalam bidang lakonan. Beliau memulakan kerjaya hiburannya pada 1993 hingga kini. Beliau merupakan seorang pelakon yang terkenal di Malaysia yang telah bergiat aktif. Beliau juga salah seorang calon ASK 2017 Anugerah Skrin TV3 Top 5 pelakon pembantu lelaki terbaik drama telefilem kapcai ayah. Antara rakan artis yang terlibat dalam pecalonan ASK tersebut ialah Remy Ishak, Namron, Fauzi Nawawi, dan Akasha. Calon yang telah memenangi anugerah tersebut ialah Remy Ishak. Filem pertama yang telah ditawarkan oleh Rahim Omar adalah filem 'Mat Desa Pahlawan Melayu'.*

**Kata kunci:** industri seni hiburan, drama, pelakon, telefilem, anugerah

## **ABSTRACT**

*This is an article about an artist who is still active in the world of entertainment, namely Rahim Bin Omar. This article is to find out about his service in his career in the world of entertainment as a Malaysian actor. This article was found when the researcher interviewed the artist, which was conducted through a Google Meet link. The date of the interview is July 7, 2022, starting from 3.00 pm to 5.00 pm. Rahim Bin Omar is a celebrity artist who is popular in the field of acting. He began his entertainment career in 1993 and has continued to this day. He is a famous actor in Malaysia who has been active. He is also one of the candidates for the ASK 2017 TV3 Screen Award Top 5 Best Supporting Actor in the Telefilm Kapcai Ayah. Among the fellow artists involved in the ASK nomination are Remy Ishak, Namron, Fauzi Nawawi, and Akasha. The candidate who won the award was Remy Ishak. The first film offered by Rahim Omar was "Mat Desa."*

**Keywords:** industry arts entertainment, drama, actors, telefilms, awards

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi maha penyayang, yang pertama dan yang utama. Puji syukur kami panjatkan kehadirat Allah S.W.T yang telah memberikan kesabaran, kekuatan, keteguhan hati, dan keberanian dalam menyiapkan tugas dokumentasi oral ini. Tugas ini dilakukan dengan segala kebolehan yang kami ada. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu, Puan NurulAnnisa Binti Abdullah kerana telah memberikan garis panduan yang baik kepada kami dalam menyiapkan tugas ini. Tanpa bimbingan beliau tugas ini tidak dapat dilakukan dengan jayanya. Kami menghargai kesudian beliau membantu kami dalam memahami tugas ini dan mencari maklumat yang betul dan tepat untuk tugas ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga kami atas sokongan mereka. Tanpa mereka, kami dapat menguruskan masa dan menyelesaikan tugas ini dengan jayanya. Selain itu, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan yang terlibat atas pandangan yang berguna, kerjasama dan komen yang memberangsangkan. Semua maklumat yang kami salah faham telah diperbetulkan dengan bantuan mereka. Mereka juga memberi kekuatan kepada kami dalam membuat tugas ini. Akhir sekali, tanpa bantuan semua pihak ini pasti kami tidak dapat menyiapkan tugas ini tepat pada masanya. Dengan bantuan mereka tugas ini telah diuruskan dengan baik dan telah dilakukan sebelum tarikh penyerahan. Semoga tugas ini dapat memberi manfaat kepada orang lain. Terima kasih.

**SENARAI SINGKATAN**

RO : RAHIM OMAR

KN : KU NURFADHLIN

AA : AISYAH AFIQAH

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 BIODATA PENEMUBUAL 1



<b>NAMA PENUH</b>	:	KU NURFADHLIN BINTI KU AMIRUDIN
<b>TARIKH LAHIR</b>	:	10 OKTOBER 2000
<b>NO TELEFON</b>	:	+6011-24254720
<b>EMEL</b>	:	<a href="mailto:kunurfadhlin@gmail.com">kunurfadhlin@gmail.com</a>
<b>ALAMAT</b>	:	47, TAMAN INDAH BATU 5 ½ TIT GAJAH, 06550 ALOR SETAR KEDAH.
<b>PROGRAM</b>	:	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245), UiTM KAMPUS MACHANG, KELANTAN.

## 1.2 BIODATA PENEMUBUAL 2



<b>NAMA PENUH</b>	:	AISYAH AFIQAH BINTI MUSTAFFA
<b>TARIKH LAHIR</b>	:	21 NOVEMBER 2000
<b>NO TELEFON</b>	:	+6018-2917427
<b>EMEL</b>	:	<a href="mailto:aisyahfeqah@gmail.com">aisyahfeqah@gmail.com</a>
<b>ALAMAT</b>	:	NO.302 BLOK 16, JALAN PINANG SIRI 18/3, 40200 SEKSYEN 18, SHAH ALAM SELANGOR.
<b>PROGRAM</b>	:	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (IM245), UiTM KAMPUS MACHANG, KELANTAN.

## 2.0 BIODATA TOKOH



<b>NAMA PENUH</b>	:	RAHIM BIN OMAR
<b>UMUR</b>	:	62
<b>TARIKH LAHIR</b>	:	3 JANUARI 1960
<b>TEMPAT LAHIR</b>	:	SINGAPURA
<b>NO TELEFON</b>	:	+6012-2823669
<b>ALAMAT</b>	:	56, JALAN CEMARA 5, SU 1. SAUJANA UTAMA, 4700 SG. BULOH SELANGOR DARUL EHSAN.
<b>PROFESION</b>	:	PELAKON



## 2.1 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Rahim Bin Omar adalah seorang pelakon atau artis veteran yang terkenal di Malaysia telah dilahirkan di Tanah Malaya di Singapura. Beliau dilahirkan pada 3 Januari 1960 dan kini menetap di Selangor Darul Ehsan. Ayah beliau bernama Omar yang dulunya merupakan seorang British Airforce, manakala ibunya pula bernama Amidah yang berasal daripada Temerloh, Pahang. Beliau merupakan anak keempat daripada lapan adik beradik, akan tetapi tujuh masih hidup seorang telah meninggal dunia. Beliau mempunyai adik beradik yang terdiri daripada lima orang lelaki dan dua orang perempuan didalam keluarganya. Beliau juga menyatakan bahawa pada waktu lapang, beliau suka membuat aktiviti atau *freelance* bersama rakan-rakan beliau.

Tokoh Tuan Rahim Bin Omar, merupakan seorang seniman veteran yang masih lagi bergiat aktif sebagai pelakon. Pengalaman beliau sebagai pelakon yang bermula dari tahun 1993 hingga kini merupakan kejayaan yang diperoleh disamping menyumbang kepada pencapaian beliau yang masih lagi bergiat aktif dalam bidang industri hiburan hingga kini. Sungguh pun begitu, beliau seorang yang amat meminati bidang lakonan ini sejak kecil lagi. Rahim Omar, beliau mula terlibat dalam menjadi pelakon menerusi seorang penulis skrip yang mencari seorang pelakon bakat baru yang telah digandingkan bersama pelakon pelakon yang juga hebat. Selepas beliau diberi peluang dalam penglibatan casting tersebut, beliau telah terpilih menjadi watak utama. Sehubungan dengan itu, drama pertama yang telah ditawarkan kepada Rahim Omar ialah Mat Desa Pahlawan Melayu. Beliau juga tidak menyangka bahawa beliau dapat membawa watak utama dalam drama telefilem Mat Desa Pahlawan Melayu itu. Hal ini sekaligus, merupakan satu titik permulaan yang amat efektif dalam beliau mencurahkan bakat terpendam yang dapat memberikan impak yang positif dalam bidang industri hiburan ini. Demikian jua, ia mungkin terbukti melalui semangat beliau yang bersungguh-sungguh dalam bidang lakonan ini.

Di samping itu, Rahim Omar juga memegang banyak watak sepanjang penglibatan beliau terhadap setiap drama atau filem yang dijayakan oleh beliau. Antara watak yang terlibat ialah dapat menjadi ayah, pangkat datuk, orang kaya dan banyak lagi. Dalam pada itu, antara watak yang banyak dipegang oleh beliau ialah watak polis atau lakonan yang banyak melibatkan dalam drama atau filem aksi seperti inspektor, gangster dan lain-lain. Antara drama dan filem aksi tersebut ialah Operasi X, Black, Don, KL Gangster: Underworld 2, dan Gerak Khas Undercover: Kabut Malam. Seterusnya, tokoh Rahim Omar ini juga telah dicalonkan

sebagai Top 5 pelakon Pembantu Lelaki Terbaik drama telefilem Kapcai Ayah pada tahun 2017 pada Anugerah Skrin TV3. Justeru itu, ini membuktikan meskipun Rahim Omar tidak pernah memenangi sesuatu anugerah tetapi hanya dicalonkan sebagai pembantu lelaki terbaik drama, kita dapat melihat dari sudut yang terperinci bahawa beliau merupakan seorang seniman yang amat berkaliber dan berkarisma dengan usaha yang berterusan dalam mencapai setiap proses sepanjang beliau berada di dalam bidang industri hiburan ini.

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Kajian dan penyelidikan ini dibuat untuk menjalankan tugas yang diberi oleh pensyarah kami, Puan Nurulannisa Abdullah mengenai Seniman Veteran dan Seri Warisan. Tugas ini perlu memilih dan menemu bual seorang tokoh mengenai pengalaman kerjayanya dalam bidang tersebut. Penyelidik perlu mengumpulkan maklumat mengenai tokoh tersebut sepanjang temubual itu berlangsung. Kajian ini hanya berfokus kepada data yang diperoleh daripada temubual bersama seorang responden dan dua orang pelajar sebagai penyelidik. Temubual ini dijalankan untuk mengetahui tentang pengalaman, latar belakang keluarga, taktik berjaya dalam hidup, dan sebagainya. Perbualan dalam temubual tersebut akan dirakam dengan persetujuan responden untuk digunakan bagi tujuan pembelajaran. Untuk menganalisis pertuturan yang wujud di dalam perbualan antara responden dan penemu bual, penyelidik telah menterjemahkan segala rakaman kepada bentuk tulisan. Penyelidik telah menghasilkan sebuah transkrip untuk memudahkan penyelidik menganalisis maklumat yang terdapat di dalam video tersebut.

#### **3.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Berikut adalah objektif spesifik yang akan membantu para penyelidik untuk mengenali tokoh dengan lebih dekat, mendapatkan maklumat relevan melalui perbualan antara para penyelidik antara tokoh serta mengetahui lebih lanjut tentang penglibatan beliau dalam bidang industri hiburan.

1. Untuk mengenal pasti penglibatan Rahim Omar sepanjang beliau berada dalam bidang industri seni hiburan.
2. Untuk mengetahui pencapaian dan sumbangan Rahim Omar sepanjang beliau berada dalam bidang industri seni hiburan bagi memperkukuhkan dan melengkapkan data yang diperolehi daripada pemerhatian melalui temubual.
3. Untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang nilai dan pengajaran yang diperolehi melalui temubual bersama tokoh Rahim Omar.

### 3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

Kajian melalui penyelidikan ini mempunyai pelbagai impak yang diperoleh. Antara impak tersebut adalah penyelidik dapat mengenali tokoh seniman veteran dan seni warisan dengan lebih mendalam lagi. Maklumat yang akan diperoleh oleh penyelidik setelah menemu bual tokoh iaitu Rahim Omar merupakan maklumat yang boleh dijadikan kajian dan rujukan oleh semua individu. Hal ini kerana maklumat yang dikumpul oleh penyelidik amat benar dan tepat. Selain itu, terdapat faedah-faedah daripada hasil kajian kepada organisasi, masyarakat, negara, agensi berkaitan dan perkembangan ilmu dalam bidang yang dikaji. Antara faedah tersebut adalah masyarakat dapat mengetahui latar belakang yang betul mengenai tokoh tersebut. Selain itu, melalui temubual yang dijalankan, ia dapat membantu individu untuk mencari maklumat rekod yang tepat mengenai seseorang.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini boleh memberikan sumber rujukan sejarah lisan yang lebih sahih, relevan, tepat berbanding merujuk kepada laman sesawang. Hal ini kerana, sebelum kajian ini dihasilkan, sebelum menemu bual tokoh bersama Rahim Omar, para penyelidik juga menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat yang tepat, jika ingin memperoleh menerusi laman sesawang masih lagi kurang tepat dan sahih.

Secara kesimpulannya, sejarah lisan ini merupakan aspek yang amat penting dalam merekodkan segala maklumat yang lebih tepat, sahih dan relevan tentang penglibatan terhadap seseorang individu yang akan ditemu bual dalam menyingkap segala penglibatan beliau sepanjang mencapai pencapaian yang cemerlang dalam melalui segala pengorbanan yang terhasil.

#### 4.0 KAJIAN LITERATUR

Era filem Malaysia bermula di Singapura dengan penubuhan Studio Jalan Ampas dan diteruskan di Kuala Lumpur dengan penubuhan Studio Filem Merdeka. Tempoh kemerdekaan Malaysia berlangsung selama 29 tahun, dari 1933 hingga 1962. Tahun 1933 merupakan titik permulaan era filem Melayu kerana filem Melayu pertama iaitu *Laila Majnun* telah diterbitkan pada tahun tersebut. Tahun 1990 menandakan permulaan era filem aliran baharu di mana industri filem nasional Malaysia telah matang (fully developed). Kematangan ini diukur dari segi penglibatan warganegara tempatan pelbagai etnik sebagai penerbit, pengarah dan tenaga kreatif, serta pembikinan filem-filem nasional dengan pelbagai bahasa etnik Malaysia (Fatimah Muhd Shukri & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2020). Menerusi kajian ini, tokoh Rahim Omar juga merupakan pelakon terkenal di Malaysia yang telah banyak keluar di kaca televisyen atau wayang terhadap banyak genre filem atau drama yang terkenal di Malaysia.

Menurut kajian daripada Ismaliza Ishak (2015), drama sering dihubungkan dengan teater dan hal ini telah menimbulkan beberapa kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Pada dasarnya kedua-dua perkataan ini adalah saling berkait antara satu dengan lain. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan dari sudut penekanan fungsinya. Drama lebih menegaskan aspek naskhah dan unsur-unsur kesusasteraan, sementara teater pula lebih menumpukan aspek teknik pementasan.

Pelakon dan lakonan merupakan dua perkara yang semestinya tidak dapat dipisahkan atau dielakkan. Hal ini merupakan isu yang dibangkitkan apabila setiap lakonan dipersoalkan sudah semestinya akan dikaitkan dengan pelakon juga turut dibincangkan. Setiap watak lakonan yang dibawa oleh setiap pelakon mempengaruhi keberkesanan setiap pelakon dalam menjayakan setiap watak atau karakter yang dilakonkan juga menjadi persoalan dalam setiap lakonan. Jika seorang pelakon itu dapat menyampaikan peranannya dalam sesebuah produksi bererti lakonan itu berkait rapat tentang teknik atau kebolehan yang disampaikan oleh seseorang pelakon itu. Oleh itu, keberkesanan setiap lakonan dapat diperlihatkan dan diperkatakan seharusnya bermula daripada hati (Normiha Suraya, 2019).

Menurut Nizila (2007), Glenn Alterman menyatakan bahawa pelakon merupakan salah seorang individu yang melakukan aksi di atas pentas dan ditonton oleh individu yang lain sebagai penonton. Menurut definisi lain yang didaftarkan di Dewan Bahasa dan Pustaka, pelakon membawa maksud orang yang berlakon dalam drama samada sandiwara, filem dan

sebagainya (Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2016). Maka, jelaslah bahan istilah pelakon itu menjurus kepada pelaku, iaitu manusia atau seseorang individu yang menjadi tontonan umum.

Menjadi seorang pelakon tidak akan lepas daripada penilaian dan kritikan daripada penonton. Setiap apa yang dilakukan di atas pentas menjadi bualan penonton. Malah, pelakon yang bagus mampu membuatkan apa sahaja pementasan menjadi menarik meskipun terdapat kepincangan daripada sudut lain. Peranan pelakon amat penting untuk memberi keyakinan kepada penonton. Menurut Suyatna Anirun (1998), tugas seorang pelakon adalah membawakan dan menghidupkan laku. Maksudnya, pelakon harus menampilkan dan menunjukkan tingkah laku yang bukan daripada dirinya sendiri sehingga dipercayai oleh semua orang. Maka, bagi menghidupkan perkara ini, proses latihan adalah sesuatu yang wajib untuk dilalui.

Boleslavsky (1960), juga turut membincangkan hal yang sama di dalam buku beliau yang bertajuk Enam Peladjaran Pertama Bagi Tjalon Aktor. Buku ini merupakan terjemahan ke dalam bahasa Indonesia oleh Drs. Asrul Sani. Buku ini menggunakan pengalaman Boleslavsky sendiri bersama seorang gadis sebagai pelajar beliau. Perbualan beliau dan pengajaran beliau bersama pelajarnya itu dijadikan sebagai medium utama pengantaran kata buku ini sebagaimana buku Sanford Meisner on Acting. Apa yang membezakan buku ini adalah ia membincangkan tentang pelajaran-pelajaran yang harus dilalui untuk mencapai lakonan yang jujur, bukannya teknik-teknik latihan. Pelajaran-pelajaran yang dikemukakan adalah hampir sama dengan apa yang disenaraikan oleh Suyatna Anirun (1998).

Menurut Rendra (2013), lakonan yang hidup adalah hasil pengamatan yang mendalam dan teliti daripada seorang pelakon mengenai wataknya. Hasil pengamatan inilah yang membuahkan penjiwaan di dalam lakonan pelakon tersebut. Hal ini kerana pengamatan yang dimaksudkan adalah penjiwaan pelakon mengenai wataknya menerusi konsentrasi yang diperoleh menerusi pemahaman pelakon yang tercipta melalui pembinaan latar belakang cerita, perwatakan watak yang kukuh, pengaruh minda dan perasaan serta kemampuan pelakon untuk mendengar dan memerhati rakan lakonnya di dalam babak tersebut.

Di samping itu, Marcia (2012) mendapati bahawa '*...both the play text and the choices made by the actor in preparation for the labor of action are so critical to the outcome of the playing of the play text*' (m/s 29). Hal ini kerana ia memberi sebab dan motivasi terhadap sesuatu aksi tersebut dilakukan dan membawa kepada lakonan yang jujur sekaligus

mempengaruhi hasilnya. Secara naturalnya, ia adalah seperti satu permainan mental, di mana kaedah peniruan mempengaruhi tetapi tidak semestinya menentukan hasil tunggal.

Seterusnya, hasil kajian daripada Shokeri Hassan (2003), telah mendapati bahawa genre drama kurang mendapat sambutan bukan sahaja dari kalangan pengkritik malah pengkarya dan khalayak sastera dan ini mempengaruhi penghasilan tulisan kritikan drama. Hasil kajian Shokeri didapati bahawa hanya terdapat beberapa buah drama yang bermutu sahaja terdapat pada dekad tersebut. Perkara ini mendatangkan kesukaran bagi pengkaji kritikan drama untuk menghasilkan kritikan drama yang bermutu. Hal ini kerana, penghasilan drama yang bermutu mempengaruhi penghasilan sesebuah kritikan yang bermutu juga.

Dengan ini, ia dapat dikaitkan dengan kajian tokoh iaitu Tuan Rahim Bin Omar yang merupakan pelakon yang masih lagi bergiat aktif dalam bidang lakonan. Justeru itu, ia dapat membuktikan bahawa tokoh yang dipilih ini merupakan seorang pelakon veteran yang mempunyai bakat dan potensi yang sentiasa konsisten dan stabil dalam menjayakan setiap lakonan yang dilakonkan. Secara umumnya, kajian ini telah memilih tokoh Rahim Bin Omar kerana beliau merupakan pelakon yang masih bergiat aktif sehingga kini. Di samping itu, memberikan pendedahan yang lebih jelas dan terperinci tentang seorang pelakon dalam melalui setiap proses atau pengalaman yang dapat meningkatkan setiap kualiti kerjayanya menerusi pembangunan industri seni dan hiburan di Malaysia. Justeru, kajian ini juga dapat diperolehi menerusi pendedahan terhadap unsur atau elemen yang akan dibincangkan oleh tokoh yang akan di temubual terhadap proses seniman veteran dan warisan di Malaysia.

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH RAHIM OMAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai **latar belakang** dan **pengalaman hidup** seorang tokoh dalam bidang seni hiburan. Bersama-sama kami ialah **Rahim Omar** yang merupakan seorang **Pelakon** yang terkenal di Malaysia yang telah bergiat aktif dari tahun 1993 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 7 Julai 2022 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 3 petang dalam talian di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Aisyah Afiqah Binti Mustaffa dan Ku Nurfadhlin Binti Ku Amirudin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk

RO: Rahim Omar

KN: Ku Nurfadhlin

AA: Aisyah Afiqah

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

KN: Bismillahirrahmanirrahim, okay soalan pertama [1] mengenai latar belakang diri. Boleh Uncle nyatakan nama penuh Uncle?

RO: Rahim Bin Omar, nama Rahhim Omar ada *double* [berganda] H *glamournya* [terkenal] R.O.

Ohhhh (serentak)

KN: ...Siapakah yang memberi nama panggilan Uncle?

RO: Emm takde [tidak ada] siapa yang memberi, sendiri je [sahaja].

KN: Bilakah Uncle dilahirkan?

RO: Uncle dilahirkan [masalah teknikal].

KN: Berapakah umur Uncle sekarang?

RO: Umur Uncle 26, tolak tapi sekarang 62. [masalah teknikal]

KN: Siapakah nama ibu dan ayah Uncle?

RO: Ibu nama Amidah, ayah nama Omar (tersengih).

KN: AMIDAH ohh

AA: AMIDAH, okay.

KN: Berapakah bilangan adik beradik Uncle?



RO: Semuanya yang ada dan jumlah keseluruhannya lapan.

Ohh (serentak).

RO: Jadi yang hidup tujuh. Ada lima [5] lelaki, dua [2] perempuan. Uncle yang nombor empat [4].

KN: Seterusnya, apakah hobi Uncle atau aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang?

RO: Pada waktu lapang?

emm... [ya] (serentak)

RO: Waktu lapang saya [masalah teknikal].

(ketawa) (serentak).

AA: Waktu uncle *free* [lapang] kan, kalau takde *shooting* [penggambaran] Uncle selalu buat apa? (ketawa)

RO: Uncle ada, kalau takde *shooting* [penggambaran], biasanya Uncle ada buat kerja-kerja macam *freelance* [bekerja bebas] dengan kawan.

Oh, *freelance* [bekerja bebas] (serentak).

RO: Ya, *freelance* [bekerja bebas] [masalah teknikal].

KN: Apakah motto hidup Uncle?

RO: Motto?

Ya (serentak).

RO: Sentiasa buat hati sentiasa gembira. / handsome

AA: Wah (tersengih)

KN: Wah, nampak nampak (tersengih).

RO: *Enjoying the moment of life* [menikmati detik-detik kehidupan] (tersengih).

AA: Nampaklah Uncle bahagia.

KN: Itulah.

RO: (minum air)\_\_\_

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN KANAK-KANAK, SEKOLAH MENENGAH, INSTITUSI**

AA: Okay, seterusnya kita pergi ke soalan tentang sejarah pendidikan kanak-kanak, sekolah rendah dan sekolah menengah dan universiti. Okay dimanakah Uncle mendapat pendidikan awal?

RO: Pendidikan awal di sekolah rendah Jalan Store Kuala Lumpur. Jalan Hang Tuah. Sekolah Menengah di Kuantan, Pahang. Sekolah Menengah Ayer Putih. Kemudian, lepas [selepas]

tingkatan tiga lepas [selepas] Uncle masuk ke sekolah tu [itu] Pahang, Uncle berpindah ke Setapak di Kuala Lumpur.

AA: Okay.

RO: Kemudian Uncle mula bekerja sebagai juruteknik dan penghawa dingin, yang Uncle pernah belajar penghawa dingin waktu belajar dekat vokasional tu [masalah teknikal]. Uncle mula bekerja di Carrier dan [masalah teknikal], Uncle membuka syarikat sendiri [masalah teknikal].

AA: Tahun bilakah Uncle memulakan dan menamatkan sekolah menengah Uncle?

RO: Pada tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977]...

AA: Tujuh puluh tujuh [77]?

RO: Ya pada tahun 1977.

Oh. (serentak)

RO: Masa tu [itu], ko [kau], belum lahirkan?

AA: (ketawa), haah [ya], belum.

KN: (ketawa) belum.

AA: Kiranya Uncle start sekolah rendah tu [itu] tahun?

RO: Sekolah rendah, tahun 70..72. [masalah teknikal]. Cubalah tolak [tidak jelas].

Oh, 67 (serentak). [masalah teknikal]

AA: Okay soalan seterusnya, apakah subjek kegemaran Uncle sewaktu berada di sekolah menengah?

RO: Subjek ye [ya]? Uncle suka subjek main-main.

(ketawa kuat) (serentak).

AA: Subjek pendidikan jasmani...

RO: (mencelah) subjek Sejarah.

Oh...Sejarah (serentak).

AA: Tahun bilakah Uncle memulakan dan menamatkan sekolah menengah?

RO: Sekolah menengah pada tahun sembilan belas tujuh puluh tujuh [1977].

AA: *Next* [seterusnya], adakah Uncle aktif semasa dibangku sekolah menengah?

RO: Aktif apa tu [itu]?

AA: Aktif dari segi sukan?

RO: Oh ye...[ya], Uncle dulu aktif, Uncle dulu bermain bola sepak.

Oh...(serentak)

RO: Telah mewakili daerah.

AA: Oh mewakili daerah.

KN: (mencelah). Mesti Uncle dapat banyak *medal* [pingat] ni [ini].

AA: Haah [ya].

RO: Kalau kat [dekat] rumah ni [ini] penuh *medal* [pingat]. Semua sukan Uncle masuk. Aaaa seratus [100] meter masuk, dua ratus [200] meter, tiga ratus [300] meter masuk.

AA: (mencelah) Oh kiranya Uncle pelari pecut jugaklah (tersengih).

RO: Oh pelari pecut, *time* [masa] tu [itu] darjah enam.

AA: (ketawa) tidak mengapa Uncle pengalaman.

KN: (ketawa)

AA: Okay *next* [seterusnya], apakah yang menjadi faktor Uncle memilih jurusan *engineering* [kejuruteraan] ketika di universiti?

RO: Uncle tidak sampai universiti.

AA: (mencelah) Oh diploma tadi.

RO: Haah...*yes* [ya].

AA: Haah diploma.

RO: Diploma...belajar sendiri sahaja. Dia...macam ni [ini] cerita dia.

AA: Oh.

RO: Cerita dia Uncle berjanjilah, Uncle sebenarnya memang meminati bidang lakonan. Jadi Uncle cuba nak *try* [cuba].

Oh (serentak).

RO: Sekolah rendah dulu saya sewaktu sekolah rendah dulu kita ada kelab drama.

AA: Oh kelab drama.

KN: Oh.

RO: Haah *yes* [ya] persatuan drama kan. Jadi Uncle aktif dalam kelab drama. Jadi Uncle dah belajar macam apani lakonan ni [ini] daripada teater kanak-kanak.

AA: Oh.

KN: Oh.

RO: Daripada teater kanak-kanak dan lakonan ni [ini] pun daripada semua ni [ini] lah. Dan Uncle dapat tawaran mula dulu berlakon radio. Drama radio di RTM [Rancangan Televisyen Malaysia]. Tahun sembilan belas tujuh puluh dua [1972]. Haa...itulah yang Uncle punya minat. Sejak Uncle naik sekolah menengah Uncle pergi ke sekolah teknikal jurusan yang Uncle mohon bukanlah penghawa dingin. Uncle mohon bahagian...automekanik. Tapi dapat penghawa dingin.

Oh (serentak).

RO: Jadi dah orang kata dah telah terlanjur penghawa dingin ni [ini] teruskan sahaja.

AA: (mencelah) Haah teruskan jelah sahaja.

KN: Betul.

RO: Sampailah Uncle [tak jelas gangguan teknikal]. Kemudian dari situlah Uncle dapat peluang untuk berlakon ni [ini] bermula bila [apabila] Uncle dapat *contract* [kontrak] dengan FINAS [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia].

Oh (serentak).

AA: Yang...*course* [kos] automekanik tadi Uncle ambik [ambil] dekat voka [Vokasional] Setapak tu [itu] eh?

RO: Ye [ya].

AA: Oh okay.

RO: (mencelah) Bukan automekanik, penghawa dingin.

KN: Oh (mengangguk).

AA: Oh penghawa dingin.

RO: Ya.

AA: Okay soalan seterusnya, apakah pengalaman manis Uncle ketika di Vokasional?

RO: Vokasional?

AA: Haah...ye [ya] vokasional.

KN: (tersengih).

RO: Alamak vokasional (berfikir).

AA: Pengalaman manis.

RO: Pengalaman manis...rasanya di vokasional ni [ni] (berfikir). Manis sokmo [dialek kelantan] (tersengih).

AA: (tersengih).

KN: Manis sokmo [dialek kelantan] (ketawa).

RO: Uncle ni [ini] jenis yang...*happy go lucky* [sentiasa ceria]

Oh (serentak).

RO: Uncle tidak ambil *serious* [serius] tentang hal-hal kecil-kecil. Uncle terus *move on* [bergerak ke hadapan].

KN: Okay.

AA: Soalan yang terakhir untuk kategori ni [ini]. Pada tahun bilakah Uncle menamatkan pelajaran di Vokasional?

RO: Tahun 1977.

AA: Okay.

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA**

KN: Oh...Soalan seterusnya kita akan ke pengalaman kerjaya okay...pekerjaan pertama yang...apakah pekerjaan pertama Uncle setelah menamatkan...di peringkat Vokasional dan adakah ia berkaitan dengan bidang pengajian Uncle?

RO: Ya, pekerjaan pertama Uncle, Uncle adalah dapat bekerja di Volvo Malaysia.

AA: Oh, wow Volvo.

KN: Oh, wow.

RO: Haah ye [Ya]. Kerja bahagian...*aircond* [penghawa dingin] kereta.

Oh (serentak).

RO: Tapi tak [tidak] lama, Uncle kerja kat [dekat] Volvo ni [ini] selama 3 bulan sahaja. Dan Uncle dapat tawaran bekerja di Carrier Malaysia.

AA: Oh 3 bulan, oh Carrier Malaysia.

KN: Oh 3 bulan.

RO: Syarikat penghawa dingin yang *international* [antarabangsa] punya [tidak jelas].

KN: Syarikat Volvo tu [itu] dekat [di] mana Uncle?

RO: Dekat [di] Jalan Syed Putra.

KN: (tersengih), Jalan Syed Putra.

RO: Kuala Lumpur.

KN: Mengapakah Uncle memilih pekerjaan ini?

RO: Tidak ada pilihan dik [adik] (membuat muka sayu).

AA: (ketawa).

KN: (ketawa). Siapakah yang selalu memberi sokongan dan dorongan kepada Uncle untuk kerjaya Uncle ini?

RO: (berfikir) Rasanya diri sendiri kot [mungkin].

AA: Oh diri sendiri.

RO: Uncle ni [ini] jenis yang *independent* [berdikari] daripada memang diajar oleh ayahanda ni [ini]...supaya berdikari. Kami ni [ini] anak askar. Anak askar ni [ini] banyak kena disiplin...satu. Hidup kita *independent* [berdikari] kita pandai pandailah hidup.

AA: (mengangguk).

KN: Okay. Jika tidak keberatan bolehkah kami mengetahui berapa gaji Uncle pada ketika itu?

RO: Ketika itu (terkejut) uish. Ketika itu gaji Uncle (tersengih) RM300...RM300 kot [mungkin]. RM380 termasuk yang mana tu [itu]? Yang mula mula sekali yang Volvo tu eh?

KN: (mencelah) haah betul betul.

RO: Ha RM200 je [sahaja] dik [adik].

Oh RM200 (serentak).

KN: Okay, bagaimanakah Uncle boleh mendapatkan kerja tersebut?

RO: Cane [macam mana]?

KN: (tersengih) Bagaimanakah Uncle boleh mendapatkan kerja tersebut?

AA: Macam mana Uncle dapat kerja dekat Volvo Malaysia tu [itu] dengan Carrier Malaysia.

RO: Uncle dengan cara memohon sendiri. Memohonkan jawatan kosong tetiba dapat *interview* [temu duga] terus dapat.

KN: Oh.

AA: Oh terus dapat.

KN: Bagaimanakah keadaan persekitaran kerja yang Uncle suka?

RO: Persekitaran tempat kerja tu [itu]?

AA: Haah ye [ya].

KN: Ya.

RO: Sangat sangat panas dahaga, sentiasa duduk bawah kereta.

KN: (ketawa). Bagaimanakah Uncle mengatasi cara sekiranya majikan Uncle tidak berpuas hati dengan pencapaian Uncle sewaktu bekerja?

RO: (berfikir) Sepanjang Uncle bekerja [masalah gangguan teknikal]. Majikan sangat berpuas hati. Dulu Uncle ni rajin orangnya.

KN: (ketawa) Oh rajin.

AA: (ketawa) kira kerja Uncle cekap la ni [sekarang ini].

RO: (tersengih)

KN: Okay seterusnya, apakah etika terpenting sewaktu bekerja?

RO: Disiplin.

KN: Siapakah rakan sekerja yang sentiasa membantu Uncle?

RO: Allah tidak ingat la lama dah dik [adik]. Waktu di Carrier ada.

AA: Uncle kerja dekat Carrier Malaysia tu [itu] selama berapa tahun?

RO: Carrier Malaysia lebih kurang hampir (berfikir) 3 tahun.

KN: Adakah Uncle masih berhubung dengan rakan sekerja samada di Volvo tu [itu] ataupun di Carrier tu [itu].

RO: (menggeleng)

KN: (mencelah) Oh takde [tidak ada] eh?

RO: Dah terputus hubungan.

AA: Okay, mari kita ke soalan seterusnya mengenai kerja sebagai pelakon.

RO: (mencelah) (tersengih) Haa yang ni [ini] seronok sebab pasal [mengenai] pelakon.

KN: (ketawa).

AA: (ketawa) Okay, bilakah Uncle mula bergiat aktif dalam bidang kerjaya sebagai pelakon?

RO: Pada tahun 1993.

AA: Bagaimanakah Uncle boleh terlibat dalam bidang lakonan?

RO: (berfikir) Ini macam orang kata apa Allah bagi rezeki kan. Uncle diberi peluang oleh penulis skrip, sebab diorang [mereka] nak [hendak] cari [mencari] *casting* [pelakon], sebab kita dulu cara mereka mencari satu pelakon baru bakat baru digandingkan dengan pelakon yang keluarga silat punya tu [itu] Wak Ruzaidi tu [itu]. Wak Ruzaidi Abdul Rahman tu golongan silat. Wak Ruzaidi tu [itu] cerita macam...seni purba (berfikir)...silat. Silat ni [ini] macam ada kisah tentang penjajah Inggeris kan. Jadi masa tu [itu] dia memberi peluang *casting* [pelakon]. Yang Uncle tak [tidak] sangka [menyangka] yang Uncle telah terpilih menjadi watak utama. Wow (serentak).

RO: Tajuk dramanya, drama *telemovie* [telefilem] tu [itu] Mat Desa Pahlawan Melayu.

KN: Oh Mat Desa Pahlawan Melayu.

AA: Boleh saya tahu penulis skrip tersebut siapa?

RO: Allah tak [tidak] ingat la dah lama dik [adik].

AA: (tersengih) Tak [tidak] ingat takpe [tidak mengapa]. Takpe [tidak mengapa].

RO: (ketawa).

KN: (tersengih).

AA: Sudah berapa Uncle terlibat dalam bidang lakonan?

RO: Daripada 1993 sampai sekarang. Dalam lebih kurang 10 tahun la.

AA: Adakah menceburi bidang seni ini merupakan cita-cita Uncle sejak kecil?

RO: *Yes* [ya]. *This is my passion* [ini adalah semangat saya].

AA: Siapakah yang menjadi idola Uncle dalam bidang lakonan?

RO: Dalam negeri ke luar negara?

AA: Luar negara boleh, dalam negeri pun boleh. Dua-dua boleh.

KN: (tersengih).

RO: Boleh eh.

AA: (mencelah) Ha boleh bagi dua dua.

RO: Kalau luar negara dan dalam negara pun banyak dua dua minat.

KN: Wow.

AA: Wow, yang paling minat.

RO: Paling minat Robert De Niro. *So entertaining* [sangat menarik]. Al Pacino. Eh dah banyak dah tu pun.

AA: Banyak tu (ketawa).

KN: Banyak (ketawa).

RO: Okay, Amitabh Bachchan.

AA: Haah Amitabh Bachchan saya minat (tersengih).

KN: Saya pun minat (tersengih).

RO: Amitabh Bachchan dia hero...Malaysia punya nak [hendak] Malaysia?

AA: Haah boleh.

KN: Boleh.

RO: Dalam negara, Datuk Rahim Razali, Wan Hanafi Su, Jalil Hamid. Banyak pulak [pula] dalam Malaysia ni [ini] (tersengih).

AA: (mencelah) Oh Wan Hanafi Su.

KN: (mengangguk).

AA: Tidak mengapa (tersengih). Seterusnya, kenapa Uncle memilih idola tersebut dan apa yang boleh dijadikan panduan dalam lakonan?

RO: Kerana lakonan mereka. Mereka adalah seorang, bukan sekadar pelakon tetapi pemain yang sangat hebat. Mereka ni [ini] memang orang kata tiada tolok banding.

AA: Okay, apakah filem dan drama yang pertama yang ditawarkan kepada Uncle?

RO: Yang tadi tu [itu] lah? Mat Desa.

KN: (mencelah) Yang silat tadi tu [itu].

AA: Oh haah yang silat tadi tu [itu]. Okay *next* [seterusnya], apakah filem atau drama yang paling terkenal dilakonkan oleh Uncle?

RO: Nur Kasih (tersengih).

KN: (tersengih) Cerita tu [itu] paling *favourite* [kegemaran] saya.

RO: (ketawa).

AA: (tersengih) Cerita ni [ini] saya layan, *best* [seronok]. Okay *next* [seterusnya], apakah filem atau drama yang telah Uncle lakonkan dapat memberikan impak yang positif terhadap semua penonton atau masyarakat?



RO: Rasanya, setiap drama yang dilakonkan tu [itu] ada kesannya tersendiri. Seperti Nur Kasih Uncle membawa watak sebagai Imam Kampung. Imam Abu Bakar. Dan banyak kesannya juga kepada orang-orang yang tertentu lah. Dan ada juga watak yang Uncle bawa sebagai Datuk. Datuk orang kaya (tersengih). Datuk yang gatal pun ada.

KN: (tersengih).

AA: (ketawa).

RO: Datuk yang baik, datuk yang tegas, garang pun ada.

AA: Apakah watak yang paling digemari dan tidak dapat Uncle lupakan?

RO: (berfikir) Sekarang ni [ini]...dia dalam vii lah...pernah tengok cerita ni [ini] tak [tidak] *Black* [Hitam]. In [dalam] vii *channel* [siaran].

KN: Oh *Black* [Hitam].

AA: Oh haah.

RO: Kamal Adli kan. Uncle terlibat dalam *second* [kedua] *season* [siri] *Black* [Hitam].

KN: (mengangguk) Oh ya.

RO: Uncle bawak [membawa] watak Joe Razak. Joe Razak ni [ini] watak ni [ini] dia baik tapi jahat.

AA: (ketawa). Oh ada dua watak.

KN: Oh (mengangguk) (tersengih).

RO: Dia ni [ini] macam orang-orang politik kan. Yang mana luaran dia lebih manis tapi sebenarnya dalaman permainannya kotor.

Oh faham (serentak).

AA: Bolehkah Uncle ceritakan bagaimana Uncle dapat menjayakan setiap watak yang telah diberikan?

RO: Mengira kepada setiap pengalaman. Pengalaman yang bertahun-tahun yang telah mengharungi dan memahami jalan cerita dimana kita ni [ini] memahami watak yang apa sedang dibawa. Kadang-kadang benda ni [ini] dia dah jadi darah daging kita. Bila masuk *set* [penggambaran] ja [sahaja] watak tu [itu] dia dah tahu dengan sendiri. Sebab kita dah lama, dia dah faham...dia akan jadi dengan sendiri dia sahaja. Pengalaman lah. Pengalaman sendiri orang kata apa.

KN: Haah [ya], betul.

AA: (mengangguk) oh faham. Okay *next* [seterusnya], apakah watak yang paling mencabar dilakonkan oleh Uncle?

RO: Paling mencabar ye [ya]? (berfikir). Rasanya watak yang paling mencabar sekali yang Uncle sebut tadi lah. Drama *Black* [Hitam].

KN: Oh yang tu [itu] lah.

AA: Oh yang tu [itu] paling mencabar.

RO: Sebab bagi Uncle yang dikatakan mencabar tu [itu], sebab watak tu [itu] berganding dengan pelakon-pelakon hebat seperti Namron.

AA: (mencelah) Kamal Adli.

RO: Khir Rahman, Kamal Adli (masalah teknikal). Yang lain semua dapat watak bapa, yang biasa. Biasa jadi bapak [bapa]. Bapa yang penyayang, bapa yang garang, bapa yang...semua orang pernah tengok kan benda tu [itu] perkara biasa. Bila Uncle dah dapat watak yang macam permainan dia, yang banyak gunakan dalaman (masalah teknikal).

KN: Boleh kami tahu, cerita *Black* [Hitam] ni [ini], mengenai apa? Apa intipati dia?

RO: Cerita *Black* [Hitam] ni [ini] sebenarnya, dia ambik [ambil] daripada cerita Korea.

Oh. (serentak)

RO: Daripada cerita Korea tu [itu], tahu tak [tidak]?

KN: (mengangguk) (tersengih) Haah tahu.

AA: (mengangguk) tahu.

RO: Haa dia macam dalam cerita Korea...cerita Korea ja [sahaja] suka betul (ketawa).

AA: (ketawa) Ku memang minat drama Korea Uncle.

KN: (ketawa).

RO: Ha yang tengok cerita Korea tu [itu]. Cerita Korea tu [itu] dia...jalan cerita dia lain. Cerita ni [ini] macam Kamal Adli hero dia daripada alam lain. Dia macam malaikat maut. Tapi di Malaysia ni [ini] kita jadikan Kamal Adli ni [ini] sebagai seorang bunian. Cerita dia memang cerita yang tak masuk akal la. Tapi mengikut hiburan, semua ni [ini] dia jadikan cerita *Black* ni [ini] *best* [seronok].

AA: (mencelah) Haah *best* [seronok] lah cerita tu [itu]...*Next* [seterusnya], pernahkah Uncle menjadi watak utama dalam sesebuah filem atau drama? Nyatakan filem atau drama tersebut selain Mat Kilat tadi...Mat apa tadi?

RO: Mat Desa (tersengih).

KN: Mat Desa (ketawa).

AA: Eh haah, Mat Desa, maaf Uncle.

RO: Kalau Mat Kilau lain.

KN: (ketawa).

AA: (ketawa). Mat Kilau baru keluar.

RO: Haa (ketawa). Antaranya, Mat Desa Pahlawan Melayu selepas itu (berfikir) dah lama dah drama ni [ini], tidak ingat tajuk dia. Saya tidak ingat tajuk dia. Selepas itu yang drama RTM [Radio Televisyen Malaysia] yang program drama RTM [Radio Televisyen Malaysia], tajuk Gelung Kasih.

KN: Oh Gelung Kasih.

AA: Oh Gelung Kasih.

RO: Haah, Gelung Kasih.

KN: Okay, seterusnya sepanjang terlibat dalam industri hiburan, berapa banyak watak dan filem yang pernah Uncle lakonkan?

RO: Banyak (ketawa).

AA: Banyak (ketawa).

KN: Okay banyak (tersengih). Apakah watak yang perlu bercakap loghat yang masih belum Uncle pegang?

RO: Apadia?

AA: Loghat contoh macam Uncle pernah loghat Kedah maksudnya...

RO: (mencelah) Oh Uncle yang Uncle berani buat, kalau loghat Kedah, loghat Perak haa itu Uncle berani. Baru baru ni [ini] Uncle cuba juga sahut tawaran kena bercakap loghat Negeri Sembilan.

AA: (mencelah) Nogori, saya orang nogori (ketawa).

RO: Haa '*den cubo jo, jadi tak jadi belakang kiro*'. [dialek Negeri Sembilan]

KN: (ketawa).

AA: Kalau yang loghat yang masih belum Uncle pegang tu?

RO: Hah? Uncle pegang loghat yang biasanya Uncle pegang Kedah, biasalah tu. Kedah, Perak.

AA: Kelate [dialek Kelantan] belum lagi ke Uncle?

RO: Hah?

AA: Kelate, kecek kelate [dialek Kelantan].

RO: Oh, toksey. [dialek kelantan] Kelate susah (ketawa). Kelate ada tawaran untuk berlakon tapi loghat tu sebab Uncle rasa Uncle tak boleh.

KN: (ketawa) toksey [dialek kelantan]

AA: (ketawa).

RO: Dulu Uncle, Mak ni [ini] orang Temerloh, so [jadi] Uncle orang Pahang [masalah gangguan teknikal], sebab keunikan cakap Kelantan dengan Pahang ni [ini] lain dia bunyi. So [jadi] dia lidah tu [itu] tak [tidak] sama tahu.

KN: Faham.

RO: Bila orang Kelantan sendiri cakap, dia lain.

Haah betul. (serentak)

RO: Bila orang luar bercakap dia jadi macam ajuk dia lain. Baik tidak perlu. Memang susah. Kelantan, Pahang pun susah sikit.

KN: Kedah okay kan? (tersengih).

RO: Haah, Kedah okay. Kedah sempoi (ketawa).

AA: (ketawa).

KN: Kedah memang sempoi (ketawa).

RO: (ketawa).

KN: Seterusnya, apakah tindakan Uncle sebagai seorang pelakon sekiranya berlaku permasalahan sewaktu lakonan?

RO: Oh itu biasanya kalau berlaku permasalahan dalam lakonan ni [ini], Uncle selalunya menjadi *Mr. Cool* [Encik Sejuk]. *Cool* [sejuk] Uncle jenis yang...

AA: (mencelah) Sempoi.

RO: Sempoi [dialek kedah], tenang, diam, tak [tidak] banyak cakap (tersengih).

KN: Seterusnya, apakah perkara yang perlu dilakukan oleh pelakon sebelum memulakan lakonan?

RO: Jujur.

KN: Seterusnya, siapakah rakan artis dalam industri hiburan yang paling Uncle rapat dan selesa?

RO: Uncle takde [tidak ada] yang *specific* [khusus] yang betul betul rapat. Yang paling rapat pun dah meninggal.

KN: (mencelah) Siapa tu [itu] Uncle?

RO: Allahyarham Idris Md Diah. Itulah sahabat dan guru Uncle dalam lakonan.

AA: Oh.

KN: Oh. Okay, bagaimanakah Uncle menjaga hubungan sesama rakan artis dan masyarakat luar?

RO: *Be Yourself* [Jadilah diri sendiri].

KN: Okay seterusnya, apakah perancangan Uncle bagi meningkatkan kualiti dalam bidang lakonan?

RO: Uncle ni [ini] sentiasa dalam proses pembelajaran. Setiap lakonan yang Uncle dapat dalam lakonan Uncle tak [tidak] pernah berpuas hati. Bahkan Uncle terus belajar dan memperbaikinya dari semasa ke semasa.

Oh. (serentak)

RO: Biar orang yang menentukan, bukan Uncle. Uncle buat yang terbaik, bagi Uncle, Uncle akan buat yang terbaik dan biarlah orang yang menilainya.

KN: Okay seterusnya, pada pendapat Uncle, apakah bentuk latihan yang baik untuk diberikan kepada pelakon yang baru menceburi bidang seni hiburan ini?

RO: Pertama kena jujur dengan diri, tanya dengan diri tepuk dada tanya selera. Adakah diri tu maknanya betul betul berminat, bakat. Sebab tu [itu] kena jujur dengan diri sendiri.

KN: Betul tu [itu].

RO: Kita rasa diri tu [itu], kalau berbelah bagi baik tak [tidak] payah [perlu]. Lakonan ni [ini] bukan satu benda yang senang. Kebanyakkan nya pelakon pelakon yang baru datang ni, dia kebanyakan nya tujuannya untuk *glamor* [terkenal]. Salah. Sebenarnya kita nak [hendak] dapat *glamor* [terkenal] ni [ini] tidak perlu kejar pun. [tidak jelas masalah gangguan teknikal], kemudian kita belajar, cari ilmu. Belajar, sekurang kurangnya ada asas lakonan. Bila kita ada asas lakonan tu [itu], daripada situ lah kita membentuk lakonan.

AA: Oh, okay.

KN: (mengangguk) Okay. Seterusnya, apakah pandangan Uncle terhadap filem atau drama yang terhasil pada masa ini?

RO: (tersengih). Susah hendak *comment* [komen]. Sebab apa kita ni [ini] berlakon, kita terikat dengan *station* [stesen] TV [televisyen].

AA: Haa.

RO: Kalau filem, barulah kita ada kelonggaran sikit. Tapi sekarang ni [ini], sebab kita ada *channel* [siaran] *VIU* ataupun...apa ni [ini] *Netflix* apa semua, lebih mudah. Ada kebebasan sikit, dari segi apa ni [ini] lontaran dialog ke apa kan. Tapi untuk drama di Malaysia ni [ini] agak terikat dengan stesen TV [televisyen]. Jadi, kita tidak boleh nak memilih. Jadi cerita apa pun kadang-kadang ada watak yang Uncle tidak suka. Tapi sebab kita terpaksa teruskan sebab dah kerja. Sudah pula sebagai kerjaya, kita teruslah, Uncle terus, mahu tidak mahu Uncle kena teruskan.

KN: Adakah Uncle mempunyai bakat lain selain lakonan?

RO: Haa (tersengih). Uncle sebenarnya suka menyanyi. Tapi Uncle bukan penyanyi.

AA: Haa (tersengih). Mesti suara Uncle sedap ni [ini].

KN: Haa (tersengih). Tu [itu] lah. Nyanyi sikit Uncle.

AA: Boleh lah payung (ketawa).

RO: (tersengih) Hah.

KN: Nyanyi sikit Uncle satu lagu (ketawa).

RO: Lagu apa nak? (tersengih).

KN: Lagu apa yang Uncle suka (ketawa).

RO: (berfikir) lagu apa eh? Kalau Uncle nyanyi ni [ini] mesti korang [kalian] akan tahu punya. Oh suara ni [ini] macam dia [ini] lah.

AA: (ketawa) Okay.

KN: (ketawa) Okay *try* [cuba].

RO: *Angin senja yang membelai, keheningan desa permai, ku terkenang kemesraanmu, di dalam oh rinduku* (menyanyi).

AA: Wah Uncle sedap! Serious sedap Uncle! (ketawa).

KN: Wah sedap Uncle! (ketawa). Tapi saya tak tahu itu tajuk lagu.

AA: Haah, tajuk lagu tu.

RO: (tersengih). Itu Jamal Abdillah.

AA: Oh haah patutlah dengar macam suara Jamal sikit.

RO: Haa kan dah kata (ketawa).

AA: Haa, dia ada suara Jamal sikit (ketawa).

KN: Haa, dia ada macam lentok Jamal tu [itu] sikit (ketawa).

AA: Jadi juri pulak (tersengih).

RO: Sebab tu Uncle taknak [tidak mahu] jadi penyanyi, Jamal tak [tidak] boleh cari makan nanti (ketawa).

KN: (ketawa) Okay seterusnya, boleh ceritakan sebuah filem yang pernah dilakonkan oleh Uncle?

RO: Filem?

AA: Haah, salah satu filem. Tak kisah filem apa apa je yang Uncle ingat.

RO: Filem 'Lari'.

AA: 'Lari' oh 'Lari'.

KN: Oh 'Lari'.

RO: Filem 'Lari' arahan Ahmad Idham. Uncle jadi ayah kepada Aaron Aziz.

AA: Oh yang Aaron Aziz tu.

RO: Yang ayah dia mati kena bunuh tu kesian.

KN: (ketawa).

AA: (ketawa). Okay soalan seterusnya, bagaimanakah Uncle boleh terpilih menjadi pelakon tambahan dalam filem Hindi 'Don' pada tahun 2006.

RO: Oh tu Uncle dipilih oleh pengarah Kabir Bhatia.

AA: Oh Kabir Bhatia.

RO: Ketika itu Uncle...*shooting* [penggambaran] untuk TV [televisyen] Singapore. Kabir Bhatia sebagai pengarah. Dari situ dia nampak Uncle kemudian dia tawarkan Uncle watak tersebut.

KN: Oh.

AA: Oh. Boleh Uncle ceritakan pengalaman sepanjang menjadi pelakon tambahan dalam filem tersebut.

RO: Pengalaman sangat menyeronokkan. Sebab dapat tengok Karisma Kapoor.

(ketawa) serentak.

RO: Lepas jumpa, dapat berdepan Uncle satu babak dengan Priyanka Chopra.

AA: Oh, bestnya (ketawa).

KN: Oh, Priyanka Chopra (tersengih).

AA: Okay, *next* apakah cabaran Uncle sewaktu membawa watak tersebut?

RO: [telefon berdering]. Watak tu.

AA: Dalam cerita 'Don' tu.

RO: Cerita 'Don'. Rasanya takde cabaran sangat. Sebab dia berhubung berbahasa Inggeris, sebab Uncle sendiri takde masalah berbahasa Inggeris. Sebenarnya watak tu pun memang Uncle dah biasa lakonkan sebagai watak polis.

AA: Haah watak aksi kan.

KN: Betul betul.

AA: Okay, soalan seterusnya boleh Uncle ceritakan serba sedikit mengenai filem 'Juvana' mengisahkan tentang apa?

RO: Oh 'Juvana' macam budak-budak yang bawah umur yang nakal. Yang melakukan jenayah jadi ditempatkan di...apa orang kata..sekolah...

AA: (mencelah) Juvana.

RO: Apa... 'Sekolah Henry Gurney' kan.

(mengangguk) serentak.

RO: Kerja Uncle sebagai guru penyelia.

(Guru penyelia) serentak.

RO: (mengangguk) guru disiplin jugakla.

AA: Oh. Adakah filem 'Juvana' mendapat sambutan yang meriah daripada penonton?

RO: Alhamdulillah *not bad* [boleh tahan]. Boleh tahan jugakla. Daripada remaja... Dan pelakon pelakon, kebanyakan pelakon daripada filem 'Juvana' tu semua dikatakan berjaya dalam lakonan. Contohnya, Syazwan Zulkifli yang digelar sebagai *Apek*.

KN: Haah (mengangguk).

AA: Haah Johan As'ari (tersengih).

RO: Johan As'ari sebagai botak.

AA: Zahiril Adzim (tersengih).

KN: (ketawa).

RO: [masalah teknikal, tak jelas].

KN: Fimie Don ada kan.

RO: Hah?

AA: Fimie Don.

RO: Haa, Fimie Don. Dia bagus dari kecil berlakon.

AA: Haah tula, dari kecil dah berlakon. Boleh Uncle ceritakan pengalaman Uncle sewaktu membawa watak sebagai pengetua dalam filem 'Juvana'?

RO: Pengalaman biasa je. Sebab Uncle dah biasa bawa watak watak sebagai guru besar ni dalam drama. Rasanya biasa je, takde masalah bawa dalam filem ni.

KN: (mengangguk).

AA: Bilakah tarikh filem 'Juvana' telah ditayangkan dan dimana filem itu ditayangkan?

RO: Bila ditayangkan tu Uncle tak ingat, tapi ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia, Singapore dan Brunei.

AA: Okay soalan seterusnya, boleh Uncle ceritakan serba sedikit sewaktu Uncle membawa watak suara latar sebagai Raja dalam filem 'Bola Kampung The Movie' pada tahun 2013.

RO: Oh ini *interesting* [menarik] sikit. Uncle telah di *recommend* [dicadangkan] oleh pelakon lama Fatimah Abu Bakar, iaitu ibu kepada Sharifah Amani.

(Oh) serentak.

RO: Dia yang *recommend* [cadang] kan Uncle untuk watak Raja dalam cerita 'Bola Kampung The Movie' tu.

(Oh) serentak.



RO: Uncle pergi *casting* [berlakon] pergi buat ni, pergi terima dan terus Uncle buat rakam suara  
tulah.

AA: Okay.

RO: Dan bersama-sama semua dalam cerita tu nama nama besar. Paknil.

AA: Oh, Paknil.

KN: (tersengih).

RO: Afdlin Shauki, Mamat Sepah,...siapa eh...Deanna Yusoff. Itu jelah yang Uncle ingat,  
ramai lagi.

AA: Okay, apakah cabaran yang dihadapi oleh Uncle sewaktu membawa watak sebagai suara  
latar dalam filem tersebut?

RO: Cabarannya, apabila sewaktu Uncle membuat rakaman. Membuat rakaman tu kita kena  
diberi gambar kemudian kita menghayati watak daripada gambaran yang kita nampak.

AA: Oh. Bagaimana Uncle mengatasi masalah tersebut?

RO: Takde masalah pun. Sebab memang Uncle seorang pelakon, jadi bila daripada gambaran  
gambar yang Uncle tengok tu, Uncle menghayati watak. Jadi Uncle menghayati watak tu dia  
jadi mudah.

Oh (mengangguk) serentak.

KN: Uncle, boleh saya tahu dimana tempat Uncle rakam suara tu? Dekat studio?

RO: Tempat di studio ala lupa dah nama *company* [syarikat] tu. Tapi di studio Taman Tun Dr  
Ismail.

(Oh Taman Tun Dr Ismail) (mengangguk) serentak.

RO: Kuala Lumpur.

KN: Seterusnya, apakah watak yang dibawa oleh Uncle sewaktu berlakon dalam filem aksi  
yang berjudul 'Lari'?

RO: 'Lari'?

AA: Haa 'Lari'

KN: Haa 'Lari'

RO: 'Lari' tu [itu] ayah kepada Aaron Aziz dan Erin Malek. Dia seorang nelayan, jadi dia telah  
diugut oleh...orang jahat, jadi dia tidak dia tidak mahu dia tidak mahu melakukannya. Jadi,  
kemudian orang jahat ni telah menculik anak dia, Erin malek tu [itu] dijadikan..dijadikan  
sebagai pelacur. Haa jadi cerita dia untuk menyelamatkan anak dia tadi, dia telah dibunuh.  
Okay, Aaron Aziz sebagai anak dia telah balik dia bantu askar jadi tentera dia hanya balik  
jumpa bapa dia mati dibunuh dan dia kembali dendam lah dan selamatkan adik dia.

AA: Oh okay, faham.

KN: Okay...seterusnya, bolehkah Uncle ceritakan serba sedikit mengenai drama telefilem 'Kapcai Ayah' mengisahkan tentang apa?

RO: Oh..'Kapcai Ayah' saya..'Kapcai Ayah' saya sebagai pelakon pembantu kepada Hasnul Rahmat dan Uncle menjadi sahabat dia di kampung yang banyak membantu dia..lagi-lagi menolong dia sebab dia..dia ada anak duduk kampung...anak dia nak berhijrah ke Kuala Lumpur jadi dia...dia berkawan dengan banyak...berkawan dengan itulah...jadi banyak babak berdua dengan dia.

KN: Seterusnya, bagaimanakah Uncle membawa watak ustaz dalam filem 'Cerita Hantu Malaysia'? Adakah ia senang dilakonkan?

RO: Hah itu paling...paling seronok !

AA: Oh paling seronok.

RO: Seronok sebab apa? Tajuk dia...hantu kan ?

Haah. (serentak)

RO: Tidak nampak hantu pun.

AA: (tersengih) Okay.

KN: Apakah perasaan Uncle apabila mendapat tawaran untuk berlakon dalam filem seram?

RO: Hmm..perasaan?

AA: Haah.

RO: Tidak ada...biasa sahaja.

AA: Oh Uncle tidak takut eh ke?

RO: Tidak takut.

KN: Tidak takut (tersengih). Okay...siapakah rakan artis yang berlakon bersama-sama dalam filem 'Cerita Hantu Malaysia' itu?

RO: Kamal Adli.

KN: Oh Kamal Adli. Okay seterusnya, siapakah Tan Sri Osman dalam filem 'Girlfriend Kontrak'?

RO: (Ketawa) Tan Sri Osman ni dia Bos kepada...Syarikat *Owner* [pemilik] kan... Dia membuat pembangunan developer...banyak yang...dia urusan projek-projek ni dia dikenali dengan orang-orang dia kerana orang-orang tu macam Bront Palare.

AA: Oh, Bront Palare.

RO: Haah. Bront Palare ni [ini] jahat sedikit la...

KN: Okay seterusnya...Berapa hari Uncle membawa watak sebagai Jeneral dalam filem 'Dukun'?

RO: 'Dukun'..satu hari sahaja.

AA: Oh satu hari sahaja.

RO: Sebagai Jeneral, Jeneral kononya benda tu [itu] berlaku di Indonesia. Kami pengembaran dibuat di Jelebu.

AA: Oh, Negeri Sembilan.

RO: Bermula daripada pukul lapan [8] pagi sehingga enam [6] petang.

AA: Oh, sekejap je. Lapan [8] pagi, enam [6] petang.

KN: Boleh Uncle ceritakan pengalaman Uncle sewaktu berlakon dalam filem *Dukun*?

RO: Pengalamannya tiada lah *best* [menarik] sangat sebab Uncle memegang watak Jeneral, dia macam...sekejap sangat Uncle dah kena pancung.

AA: Oh kena pancung.

RO: (ketawa). Jadi pengalamannya tiada pun, sekejap sahaja.

KN: Oh okay...Adakah Uncle menghadiri kelas lakonan sebelum membawa watak DSP Anwar dalam filem 'Operasi X'?

RO: Oh sekejap Uncle tiada...Uncle ditawarkan untuk waktu tu bergantung kepada pengalaman Uncle yang ada sebab Uncle sudah pernah memegang watak-watak polis sebelum ni [ini]. Jadi mungkin Uncle ditawarkan dan terus...terus masuk *set* [lokasi] lah...dan Uncle tiada masalah untuk membawa watak tu [itu].

KN: Okay seterusnya, siapakah watak Zaidi dalam drama 'Badai Pesona Ringgit' yang ditayangkan di saluran TV1 pada tahun 2006?

RO: (teruja) Kalian ingat eh.

AA: (ketawa)

RO: Masa tu [itu] sebelum digelar SPRM. Watak Zaidi tu [itu] watak sebagai penguasa...badan pencegah rasuah dia menjadi pegawai penguasa...dia juga ketua unit lah maknanya dia yang pergi buat operasi.

KN: Oh okay seterusnya...apakah watak yang dilakonkan oleh Uncle dalam drama 'Tentang Bulan The Series'?

RO: Uncle jadi bapa kepada budak yang paling *tough* [tegap].

AA: (ketawa).

RO: Gemuk orang tu [itu] yang paling *tough* [tegap]...Uncle jadi bapa kepada budak tu [itu].

KN: Okay seterusnya adakah Uncle perlu menghafal ayat-ayat Al-Quran sewaktu melakonkan watak Ustaz Khalid dalam drama 'Tower 13' pada tahun 2009?

RO: Oh *Tower thirteen*... 'Tower 13' Uncle tidak perlu hafal sebab Uncle dah memang... wajib lah.

AA: (mencelah) haah betul.

RO: Takkan ayat kursi pun tidak tahu.

KN: Haah betul.

AA: Boleh Uncle cerita sedikit...drama 'Tower 13' tu [itu].

RO: 'Tower 13' ni [ini] kisah dia...kisah 'Tower 13' tu [itu] dia setiap...siri setiap episod tu [itu] dia cerita lain-lain.

AA: Oh

RO: Jadi apa yang kisahnya berlaku di dalam...apartmen...*Tower thirteen* tu [itu] jadi kisah macam mana kisah setiap episod lain-lain ceritanya. Jadi ustaz ni [ini] dia...Ustaz K panggil, Ustaz Khalid.

KN: Oh Ustaz Khalid.

RO: Jadi dia selalu datang *Tower thirteen* ni [ini] untuk...macam dipanggil Bront Palare...Bront Palare ni [ini] dia yang jaga bangunan ni [ini] yang sebenarnya Bront Palare ni [ini] adalah hantu.

AA: Oh hantu...dia jadi penunggu lah di tower tu?

RO: Haah dia...dia macam tu [itu] lah lebih kurang.

KN: ...sewaktu pengembaran *Tower thirteen* tu [itu], ada...macam berlaku apa-apa tidak?

RO: Uncle...Uncle sendiri tidak pernah tempuh lah tapi orang lain ada waktu tu [itu] memang mereka kata...tempat yang habis *shooting* [penggambaran] tu [itu]...tempat...apartmen tu dia dah *abandoned* [ditinggalkan] selama dua [2] tahun. Kemudian waktu kami balik, kami masuk bilik dan Uncle dengar ada benda orang kampung kawasan situ cakap tempat tu [itu] berhantu, tapi Alhamdulillah setakat Uncle buat penggambaran tu [itu] Uncle tiada lah kena ganggu apa-apa, tapi orang lain ada yang kena rasuk...ada juga yang dirasuk daripada mungkin dia lemah semangat...dia diganggu lah.

AA: Okay soalan seterusnya, apakah watak yang dibawa oleh Uncle sewaktu berlakon dalam drama 'Duri di Hati'?

RO: 'Duri di hati' (berfikir) Uncle pun tidak ingat lah. Oh dalam drama 'Duri di Hati' Uncle jadi [menjadi] ayah...ayah siapa eh (tidak ingat).

KN: Oh Okay.

AA: Uncle ingat tidak cerita dia mengenai apa?

RO: Uncle tidak ingat.

AA: (ketawa) tidak mengapa.

KN: (ketawa)

AA:...*next* [seterusnya], siapakah pasangan pelakon yang berlakon bersama sewaktu membawa watak Dato' Mustafa dalam drama 'Hidayahmu Ramadan'?

RO: Zarina Zainuddin (dalam nada suara besar).

AA: Oh Zarina...senang tidak Uncle berlakon dengan beliau.

RO: Senang (gembira) dia bagus dia seorang pelakon yang...kami ada...*chemistry* [ikatan]...tiada masalah.

KN: Okay 'Hidayahmu Ramadan' ni [ini]...mengisahkan tentang apa?

RO: Ha [tidak jelas]

AA: Kisah 'Hidayahmu Ramadan' ni [ini] dia mengenai apa? [mengulang kembali soalan]

RO: Dia kisah mengenai...watak utama dia Zara Zya. Zara Zya ni [ini] orang kampung jadi Dato' Mustaffa ni [ini] dia jenis serba salah jadi dia mengambil Zara Zya ni [ini] sebagai anak angkat dia. Jadi Zara Zya ni [ini] dia...berhijrah di Kuala Lumpur kan...Dato' Mustaffa ni [ini] yang banyak membantu dia lah.

AA: Okay *next* [seterusnya]...mengenai cerita 'Nur Kasih' tu kan...boleh saya tau ia mengisahkan tentang apa?

RO: 'Nur Kasih' tu [itu] cerita tentang...mengisahkan tentang Siti Aminah ni [ini] kan dibawa oleh Tiz Zaqyah...ada adik dia Siti Sarah yang dibawa oleh Ummy Nazeera dan dia pun berhijrah dengan Fizz Fairuz...jadi kisah dia macam... Remy Ishak ni [ini] dia tidak berapa suka dengan Siti Aminah ni [ini], kahwin pun atas dasar keluarga. Jadi...bila lama kelamaannya dia jatuh cinta dengan isteri dia. Jadi yang bagus cerita ni [ini] sebab dia membawa budaya ada dua budaya, yang kemuncaknya di Australia dia berkahwin dengan orang putih. Jadi di situ lah banyak perubahan diri dia...anak orang imam yang dikenali kampung kan...setelah itu belajar di universiti apam Fizz Fairuz membawa [tidak jelas minit1:02] Jadi dua nampak dua [2] yang dua berbeza kan watak yang berbeza antara yang moden dengan yang islamik.

AA: Okay...*next*, berapa hari Uncle menjalani lakonan untuk drama 'KL Gangster: Underworld 2' sebagai AGUS Ketua Geng Salak South?

RO: Yang tu [itu] hampir...ada dalam maknanya bukanlah setiap hari tapi dalam tempoh sebulan.

AA: Oh

RO: Tempoh sebulan tu [itu] dalam seminggu tu [itu] ade satu, ada dalam lima [5] kali macam tula cuma hari 5 hari.

AA: Oh lama juga susah ke nak bawa watak tu?

RO: Watak tu tidak susah tetapi sebab cerita tu [itu]... sebab ia melibatkan *gangster* [samseng] agak lama sikit dia punya [tidak jelas] bukan macam drama biasa dia [tidak jelas], dia punya *prop* [peralatan] pun banyak tidak macam drama biasa. Drama biasa ni [ini] cepat sedikit.

AA: Oh, siapa rakan artis yang terlibat dalam drama 'KL Gangster' ni [ini]?

RO: Oh ramai.

AA: (mencelah) salah satunya?

RO: Antaranya Beto Kusyairy, Zahiril Adzim...A. Galak.

KN: Oh A.Galak.

RO: Hasnul Rahmat lagi satu siapa perempuan tu [itu] alamak tidak ingatlah.

AA: Okay tidak mengapa. (ketawa) Okay siapakah Alfonso dalam drama 'Gerak Khas Undercover: Kabut Malam' yang ditayangkan di TV3 pada 2021?

RO: Alfonso dalam *Gerak Khas* waktu tu [itu] dia sebagai macam pengedar dadah, kira macam *gangster* [samseng] la, *gangster* [samseng] besar la mengedar dadah, Uncle tidak berapa suka.

AA: Biasa Uncle kalau kan pengedar dadah kan dia pakai tepung ke? (melawak)

RO: Hah? (tidak faham)

AA: Kan macam pengedar dadah kan, dia pakai tepung ke?

RO: Haa dia pakai tepung lah takkan betul-betul. (ketawa)

KN: (ketawa).

AA: Mana tau bedak ke. (ketawa) okay sebentar.

RO: (ketawa).

AA: Okay boleh Uncle ceritakan siapakah Haji Kassim dalam drama 'Risik pada Hati' yang baru ditayangkan di TV3 pada 27 Jun ini?

RO: 'Risik pada Hati' ni [ini] dia ayah kepada Aliff Satar, ada masalah *company* [syarikat] dia berkahwin dengan Ummi Nazeera, watak Hayfa tapi dia kahwin tak dapat anak jadi...Aliff Satar ni [ini] pun dah biasalah tapi dia teringin zuriat anak tapi dia tak kisah pun, Haji Kassim ni [ini] pun sebenarnya dia seorang yang fleksibel tidak kisah sebab dia berpegang bergantung segalanya kepada Allah. Jadi Hayfa ni [ini] yang menjadi serba salah, dia yang izinkan suami dia kahwin lagi satu supaya boleh dapat anak dengan Zara Zya tu [itu]. Cerita seterusnya kena lah tengok sampai habis.

AA: Oh sekarang Uncle *still* [sedang] *shooting* [penggambaran] cerita tu [itu] ke atau dah habis *shooting* [penggambaran] dah?

RO: *Shooting* [penggambaran] dah habis dah.

AA: (mencelah) oh dah habis *shooting* [berlakon] dah.

RO: Cerita tu [itu] waktu tu [itu] bulan puasa.

AA: Oh bulan puasa.

KN: Berkenaan 'Risik Pada Hati' ni [ini] ia mengisahkan tentang apa?

RO: Tula tentang konflik rumah tangga yang tidak dapat anak, yang berkahwin lama tidak dapat anak dari situ berlakunya...konflik keluarga kan [tidak jelas minit 1:07:48] Jadi korang tengok cerita dia tengok sampai habis memang *best* [menarik].

AA: Oh, kami tengoklah selepas ini. Okay, kan Uncle *shooting* [berlakon] pada bulan puasa kan, ada cabaran apa-apa tidak macam penat ke...

RO: Bagi Uncle masa waktu bulan puasa dengan tidak puasa sama sahaja, sebab benda ni [ini] atas kita *our mindset* [pemikiran kita] sebab kita tahu kita puasa, kita buat cara berpuasa, tiada masalah pun, penat tu [itu] biasalah tapi kalau kita anggap dia penat jadi penat lah. Benda ni [ini] kerja kerjaya ni [ini] *you* [awak] pilih kerjaya *is your decision this is the choice that you make* [keputusan awak adalah pilihan yang awak lakukan]. *So* [jadi] maksudnya tiada kot nak rasa *depress* [tertekan] ke rasa penat ke tiada, Uncle dah cecah lima puluh [50] tahun lebih dah *so just enjoy the life* [jadi nikmatilah hidup].

AA: Okay *next* [seterusnya], apakah tanggungjawab dan peranan Uncle sebagai seorang pelakon untuk menjayakan dan memperkenalkan industri hiburan dan seni ini kepada dunia luar?

RO: Tanggungjawab ya...kadang-kadang bila kita melakonkan satu [1] watak kita tengok apakah pengajarannya dalam watak-watak yang dibawa dalam satu [1] filem atau drama mesejnya dengan sendirinya akan terbentuk. Kadang kita sendiri sebagai pelakon kita membawa watak tu [itu] watak jahat tetapi sebenarnya watak yang kita bawa tu [itu] walaupun watak jahat dalam filem, tetapi ia memberi pengajaran kepada orang luar kepada yang mengambil pengajaran. Setiap drama atau filem tu [itu] dibuat pasti dengan niat yang baik kan pasti ada pengajaran dan sesuatu yang memberi pengajaran, walaupun sekadar hiburan tapi hiburan tu [itu] pasti ada yang tersirat, atas diri masing-masing lah.

AA: Okay *next* [seterusnya] apakah kesan yang dihadapi oleh industri hiburan sepanjang menghadapi pandemik *Covid-19* ini?

RO: Sangat-sangat terkesan. Hampir dua [2] tahun kami tiada *job* [kerja]. Bukan setakat kami sahaja banyak yang lain pun sama banyak yang terjejas sebab pandemik ni [ini] memanglah satu ujian kan. Bagi Uncle benda ni [ini] adalah satu [1] pengajaran yang Allah hendak bagi kepada umat manusia supaya buka minda sedar diri dengan apa yang berlaku, banyak pengajaran yang disampaikan boleh dapat daripada pandemik, yang tidak pernah duduk rumah tiba-tiba duduk rumah, yang tidak pernah masak tiba-tiba pandai masak, yang pemalas jadi rajin...

AA: (mencelah) rajin (ketawa).

RO: Ha dia macam-macam yang jadi pemalas pun ada juga pengajarannya banyak [tidak jelas minit 1:11:55] mengambil iktibar dengan apa yang berlaku.

KN: Sepanjang menghadapi pandemik *Covid-19*, apakah aktiviti yang dilakukan oleh Uncle?

RO: Uncle makan tidur makan tidur.

KN: (ketawa).

AA: Uncle sepanjang *Covid* tu Uncle tiada kerja sampingan lain ke untuk jana *income* [pendapatan]?

RO: Macam mana hendak kerja keluar pun tidak boleh.

AA: (ketawa).

RO: Bekalan habis ada orang hantar, kita tidak boleh keluar.

AA: Okay apakah drama atau filem terkini yang sedang dilakonkan oleh Uncle sekarang?

RO: Uncle baru sahaja sedang berlakon dalam drama bersiri TV9 bertajuk 'Selamanya Suri Cinta'. Uncle sebagai ayah kepada Siti Nordiana.

AA: Oh Siti Nordiana.

RO: Siti Nordiana dengan Sham Visa.

KN: Siapa?

RO: Sham Visa tu [itu] yang masuk Gegar Vaganza *The Iron Man Malaysia*

AA: Oh *Iron Man* tu [itu]

RO: Ha dia jadi menantu Uncle lah, ada Siti Nordiana, Fahrin Ahmad, ada Faradhiya, dan ada Raja Azmi...20 episod baru sahaja selesai semalam.

AA: Oh, bila drama ni [ini] akan ditayangkan?

RO: Itu bergantung kepada TV stesen, mungkin bulan hadapan, mungkin awal mungkin lambat tidak tahu dan uncle pun sekarang ni [ini] masih ada dalam penggambaran drama terbaru untuk *Viu Channel* Uncle berganding menjadi ayah kepada Nabila Huda, tajuk dia cerita 'Electric



Dust Agency', tajuk dia pelik sedikit dia international ditayang di Asia, cerita dia ramai pelakon antaranya Adlin Aman Ramlee, ada Namron, Gambit, Neera Azizi, dan ramai.

AA: Apakah intipati drama 'Selamanya Suri Cintaku'?

RO: Intipati dia menyelesaikan masalah konflik dua suami isteri yang bekerjaya, jadi anak-ana dia agak liar..harapkan orang gaji menjaga keseluruhannya tetapi tidak menepati apa yang sepatutnya lah. Jadi berlaku dia macam bila anak sakit apa semua tu [itu] kan dia disalah ertikan oleh ibu mertua dengan bapa...sepatutnya isteri dia berhenti kerja jaga anak daripada kerja...pentingkan kerja daripada anak jadi konflik dia di situlah.

AA: Kalau yang 'Electric Dust Agency' tu dia punya intipati apa?

RO: Oh yang ni [ini] cerita *science fiction* [fiksyen sains].

AA: Oh boleh Uncle ceritakan sedikit mengenai cerita ni [ini]?

RO: Sebab cerita ni [ini] masih dalam penggambaran, jadi tidak boleh cerita *details* [terperinci] sangat.

AA: Okay tidak mengapa.

RO: Jadi cerita ni [ini] *science fiction* [fiksyen sains] kisah ni [ini] dia seorang saintis ni [ini] dia hendak kekal hidup, dah mati jadi dia ubah *memory* [ingatan] dia pergi ke anak dia.

AA: Jadi, Uncle lah saintis tu [itu]?

RO: Haah.

KN: Wah macam lain daripada yang lain ni [ini].

AA: Haah.

RO: Memang cerita ni [ini] *totally* [keseluruhannya] lain daripada yang lain, pertama kali di Malaysia.

AA: Oh *best-best* [menarik].

RO: Tetapi hanya boleh ditonton *Viu* lah di *channel* [siaran] lain tiada.

AA: Okay *next* [seterusnya], adakah ia dapat memberi kesan atau nilai-nilai murni terhadap penonton atau masyarakat?

RO: Cerita apa?

AA: 'Electric Dusk Agency' tu.

RO: Cerita ni [ini] agak *complicated* [rumit] sedikit, cerita ni [ini] dia kalau orang yang tidak cerdik tidak boleh tengok. Jadi dia *the very intelligent story* [kisah yang amat bijak].

AA: Kalau drama 'Selamanya Suri Cintaku' tu [itu] apa nilai-nilai murni dia?

RO: Nilai-nilai murni dia lebih kepada ni [ini] lah pengajaran dia suami isteri yang berkejaya, perlu mempunyai tolak ansur antara satu sama lain.

#### BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN

AA: Okay seterusnya, kami akan bertanya Uncle soalan mengenai sumbangan kepada masyarakat, negara, dan industri. Apakah pencapaian terbaik yang Uncle pernah capai sebagai seorang pelakon?

RO: Setakat ni [ini] Uncle pernah dicalonkan sebagai pelakon pembantu terbaik *top 5* [5 teratas] dalam Anugerah Skrin pada tahun 2017.

KN: Oh yang drama terbaik dalam filem ‘Kapcai Ayah’ tu kan?

RO: Haah ‘Kapcai Ayah’.

AA: Okay *next* [seterusnya], bolehkah Uncle ceritakan kenangan manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang menceburi bidang seni hiburan ini?

RO: Banyak kenangan manis sebenarnya sebab bidang ni [ini] bidang yang Uncle suka, minat, jadi banyak kenangan yang menyeronokkan. Sebab *I carry myself*, Uncle bawa diri, Uncle sentiasa seronoklah *I enjoy and I love my job* [saya nikmati dan saya suka kerja saya].

AA: Okay *next* [seterusnya] bolehkah kami tahu anugerah yang pernah Uncle capai untuk filem atau drama yang Uncle telah terlibat?

RO: Tidak pernah, yang tercalon tadi lah anugerah *top 5* [5 teratas], tu [itu] pun Uncle tidak sangka sebab Uncle punya prinsip Uncle tidak mengharap apa pun. Uncle cuma buat apa yang Uncle mampu buat yang terbaik, Uncle *enjoy* [nikmati].

KN: Okay seterusnya, drama ‘Nur Kasih’ merupakan drama yang mendapat sambutan hangat kepada penonton suatu ketika dahulu, apakah pengalaman dan kenangan yang Uncle boleh kongsi sepanjang menjalani drama tersebut?

RO: Sewaktu menjalani penggambaran, waktu tu [itu] memang macam-macam dugaan dan cabaran. Uncle buat penggambaran tu [itu] sebab Uncle dapat sama-sama dengan Dato’ Jalaluddin Hassan, siapa menjadi isteri dia tu [itu], isteri Uncle Sheila Mambo, seterusnya dengan Tiz Zaqyah, Ummi Nazeera, Remy Ishak, Fizz Fairuz, jadi *shooting* [berlakon] tu [itu] memang rasa satu [1] keluarga, itulah penggambaran yang paling lama sepanjang pengalaman sehingga mengambil masa hampir enam [6] bulan lah sebab ia banyak mereka ada *break* [berhenti seketika] sebab mereka pergi *shooting* [berlakon] di luar negara, *shooting* di Australia..

KN: Seterusnya, sewaktu Uncle dicalonkan sebagai *top 5* [5 teratas] pelakon pembantu lelaki terbaik dalam filem ‘Kapcai Ayah’, apakah perasaan dan reaksi Uncle sewaktu dicalonkan?

RO: Perasaan memang tidak sangka, memang tidak pernah terfikir, memang tidak pernah pun terbayang, Uncle menganggap ni [ini] sebagai satu [1] bonus.

AA: Siapakah rakan artis yang lain yang dicalonkan sebagai *top 5* [5 teratas] pelakon pembantu lelaki terbaik drama?

RO: Remy Ishak, Namron, Fauzi Nawawi, Akashah, yang menang pada malam tu [itu] Remy Ishak.

KN: Okay seterusnya.

AA: Okay kita bagi laluan kepada azan dahulu.

RO: Oh azan, tidak dengar pun.

AA: Kat Kelantan dengar baru sahaja. Okay tidak mengapa Uncle minum dahulu (ketawa).

KN: Kita *break* [berhenti] kejam sebentar.

[Azan berkumandang]

AA: Okay boleh kita teruskan?

RO: Boleh.

KN: Okay, siapakah yang banyak membantu sepanjang menjayakan drama telefilem 'Kapcai Ayah' tersebut?

RO: Banyak membantu?

KN: Ya

RO: Uncle dapat berkerjasama dengan seorang pelakon yang hebat seperti Hasnol Rahmat, dia sangat bagus bekerjasama dia dapat seorang pengarah yang bagus, pengarah yang handal bagus *and then* [dan seterusnya] Saharul Ridzwan.

KN: Seterusnya, pada tahun 2019, Uncle ditawarkan sebagai watak Ayah yang diiklankan dalam saluran 'Youtube' terhadap 'McDonald Burger Prosperity'.

RO: Oh *yes* [betul] McDonald burger prosperity tu [itu] Uncle dapat tawaran *direct* [terus] kepada pengarah Kabir Bhatia. Kiranya Uncle jarang hendak melibatkan dengan komersial punya ni [ini], jadi sebab kami ada hubungan yang cerita Nur Kasih tu [itu] dia ada *so* [jadi] dia yang tawarkan pilih Uncle, Uncle bawa watak tu [itu].

AA: Apakah objektif yang Uncle dapat daripada iklan 'McDonald Burger Prosperity' tersebut?

RO: Itu kisah kononnya seorang ayah ni [ini] merindui anaknya belajar luar negara, bila anak tu [itu] balik, ingatkan anak dia balik dah tamat belajar tetapi balik tu [itu] ingatkan hendak balik terus lah dengan keluarga, rupa-rupanya dia balik sekejap setelah itu dia hendak pergi balik semula bekerja di luar negara jadi ayahnya merajuk, biasalah.

